

PENENTUAN SESUATU ORGANISASI SEBAGAI ISLAM UNTUK DILANTIK SEBAGAI AMIL ZAKAT

Oleh:

Dr. Mohamad Rizal bin Mohamed Nor

Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Fatwa JMNPk

Pensyarah Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial

Universiti Sultan Azlan Shah

Pendahuluan

Kefarduan zakat dalam Islam melibatkan tiga elemen utama iaitu: (i) pihak yang wajib mengeluarkan zakat, (ii) pihak yang layak menerima zakat dan (iii) harta yang dikenakan zakat. Istilah amil disebut dengan jelas dalam al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya (penguatkuasa yang mengumpulkan zakat), dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba (yang hendak memerdekakan dirinya), dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu kefarduan yang datangnya daripada Allah, dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

عن رافع بن خديج قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: العامل على الصدقة بالحق كالغازي في سبيل الله حتى يرجع إلى بيته.
(رواه أبو داود والترمذي وابن ماجه)

Maksudnya: Daripada Rafi' bin Khadij, beliau berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Amil zakat yang (bekerja dengan) benar (akan mendapat ganjaran) seperti tentera yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya

(HR Abu Daud: 2936, al-Tirmizi: 645 dan Ibn Majah: 1809).

Menurut Syeikh Yusuf al-Qaradawi (2006: 552), amil bermaksud mereka yang melaksanakan segala urusan zakat, meliputi pengumpul atau pemungut zakat, penyimpan atau penjaganya, pencatat, penghitung yang merekodkan sumber dan perbelanjaannya, dan seterusnya mereka yang mengagihkan zakat kepada golongan asnaf.

Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah 1975 mentafsirkan amil sebagai pemungut zakat dan / atau fitrah yang dilantik oleh Yang Dipertua termasuk pengusaha 'pengumpul', penyimpan, pekerja-pekerja, dan pembahagi-pembahagi zakat dan / atau fitrah dan mereka-mereka yang mengambil bahagian dalam pekerjaan ini tetapi tidak termasuk kadi dan Pegawai Kerajaan dan Kakitangan Kerajaan. Manakala 'seseorang' ditafsirkan sebagai diri seorang sama ada lelaki atau perempuan termasuklah sebuah syarikat atau persatuan atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak dan "*Pegawai Kerajaan dan Kakitangan Kerajaan*" adalah merujuk kepada Pegawai/ Kakitangan Kerajaan yang tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan zakat.

Oleh itu, amil boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu amil individu (*syakhsiyyah haqiqiyyah*) dan amil institusi (*syakhsiyyah i'tibariyyah*). Dalam konteks di negeri Perak, amil individu merujuk kepada individu khusus yang ditauliahkan sebagai amil. Ia terbahagi kepada empat kategori; (i) amil zakat fitrah, (ii) amil zakat harta, (iii) amil profesional, dan (iv) perunding zakat.

Manakala amil institusi (*syakhsiyyah i'tibariyyah*) bermaksud organisasi tertentu seperti syarikat, institusi pengajian dan firma yang dilantik untuk membuat kutipan zakat, khususnya melalui potongan zakat berjadual bagi kaki tangan di bawahnya yang ingin membayar zakat pendapatan. Dalam konteks di negeri Perak, amil institusi terbahagi kepada tiga kategori; (i) amil institusi pendidikan awam dan swasta, (ii) amil firma dan (iii) amil khas (Munawir Mohamed Noh, 2023).

Latar Belakang Masalah Kajian

Subseksyen 76 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan bahawa, MAIPk boleh melantik badan-badan atau orang lain atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh MAIPk untuk:-

- i. melaksanakan tugas pungutan zakat dan fitrah;
- ii. melaksanakan tugas pengagihan zakat dan fitrah kepada asnaf-asnaf; atau
- iii. menguruskan atau menjalankan apa-apa aktiviti atau membuat apa-apa transaksi yang perlu berhubung zakat dan fitrah.

Berdasarkan rekod, Pengurusan MAIPk telah melantik organisasi-organisasi sebagai amil seperti berikut:

Pertama: Amil Institusi Pendidikan Awam dan Swasta

Contoh: Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Petronas (UTP) & Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

Kedua: Amil Firma

Contoh: Afrizan Tamili Khairul Azhar (AFTAAS), Zahar Advisory Sdn. Bhd., Perunding Cukai dan Perkhidmatan Perakaunan Rosli & H.I Corporate Services Sdn. Bhd.

Ketiga: Amil Khas

Contoh: Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Lembaga Air Perak (LAP), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Proton City Development Corporation.

Mesyuarat Teknikal Penggubalan Draf Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Bil.2/2022 pada 7 hingga 8 November 2022, semasa membincangkan kelayakan bagi pelantikan organisasi sebagai amil telah **bersetuju meletakkan syarat bahawa sesebuah organisasi mestilah disifatkan sebagai Islam**. Mesyuarat juga memutuskan bahawa penentuan organisasi sebagai Islam perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

Secara umumnya, syarat-syarat yang perlu ada bagi amil dalam konteks individu (*syakhsiyyah haqiqiyyah*) adalah Islam, mukallaf, amanah, berpengetahuan dalam hukum-hakam zakat dan berkemampuan untuk menjalankan tugas sebagai amil. Namun, terdapat beberapa syarat lain yang menjadi perselisihan ulama seperti amil mestilah bukan daripada keluarga Nabi, status lelaki dan merdeka. Walau bagaimanapun, syarat Islam juga bukanlah syarat yang disepakati oleh para ulama. Terdapat pandangan yang mengharuskan bukan Islam dilantik sebagai amil dan layak menerima upah atas tugas tersebut (Al-Qaradawi, 2006: 558-560).

Objektif Kajian

Kertas ini akan membincangkan tentang amil zakat, iaitu satu daripada lapan asnaf yang layak menerima zakat. Secara lebih spesifik, amil yang akan dibincangkan dalam kertas ini adalah berstatus organisasi atau institusi (*syakhsiyyah i'tibariyyah*) seperti syarikat, firma dan koperasi. Ia melibatkan perbincangan tentang status Islam sesebuah organisasi atau institusi untuk dilantik sebagai amil.

Perbincangan

Keterlibatan organisasi sebagai pembayar zakat merupakan suatu topik yang diperselisihkan (Muhammad Ikhlas Rosele, 2021: 9). Bagi pihak yang mengambil pendapat wajib menunaikan zakat bagi organisasi, penentuan status 'syariah' bagi organisasi pembayar zakat (syarikat korporat khususnya) pula adalah topik yang lebih rumit (Aznan Hasan, 2011: 234). Keterlibatan organisasi sebagai pembayar zakat telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji kontemporari, begitu juga dengan keterlibatan organisasi sebagai amil zakat. Namun status Islam bagi organisasi pemungut zakat belum pernah menyelidik temui. Penyelidik berpandangan, syarat berstatus Islam bagi amil institusi adalah diqiyaskan dengan syarat Islam bagi amil individu. Dengan kata lain, tidak boleh melantik amil yang bukan Islam sama ada individu atau institusi. Oleh itu, dalil-dalil pensyaratan Islam bagi kedua-dua kategori amil tersebut adalah sama, antaranya (Muhammad Khalid Mansur, 2020: 39-45; Markaz al-Maqasid, 2021):

Dalil Pertama: Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 141 :

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Maksudnya: "Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman."

Wajhu dalalah: Zakat adalah autoriti atau urusan syarak (ولاية شرعية) yang khusus bagi orang muslim, maka ia tidak diberikan kepada orang kafir. Hal ini adalah kerana pengurusan zakat adalah tanggungjawab yang hanya diamanahkan kepada orang Islam; agar tidak didominasi dengan sesuatu yang tidak diharuskan.

Dalil kedua: Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran, ayat 118:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مَنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُوَامَاعِنْتُمْ قَدْ
بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن
كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan daripada kalangan kamu menjadi “orang dalam” (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi.”

Wajhu dalalah: Allah SWT melarang menjadikan orang-orang kafir sebagai sekutu dan pembantu dalam urusan umat Islam, termasuklah urusan umum, yang di antaranya pungutan dan agihan zakat. Maka haramlah mengambil orang-orang kafir menjadi amil bagi menguruskan zakat, kerana mereka dikenali sebagai golongan yang membenci orang-orang Islam, dan apa yang disembunyikan oleh dada mereka adalah lebih besar kebencian mereka terhadap umat Islam.

Dalil ketiga: Saidina Umar ibn al-Khattab radhiallahu'anhu berkata:

“Jangan percaya kepada mereka, kerana mereka telah mengkhianati Allah.”

Wajhu dalalah: Bahawa orang kafir tidak boleh dipercayai untuk menjaga urusan orang Islam, termasuklah urusan zakat; kerana ia adalah amanah bagi orang yang beriman.

Dalil keempat: Kerana kekufuran bercanggah dengan sifat amanah, maka tidak boleh diberikan kepada mereka menguruskan zakat, kerana mereka sendiri tidak dipercayai iaitu tidak beriman dengan pensyariatannya. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengambil mereka sebagai pengurus zakat. Tambahan pula, orang yang menguruskan zakat itu diwajibkan mengetahui hukum-hakam khusus berkaitan zakat.

Dalil kelima: Pelantikan orang kafir sebagai pengurus zakat adalah satu bentuk 'penguasaan' ke atas orang Islam, dan ia termasuk memuliakan orang kafir. Maka tidak harus melantik mereka dalam apa-apa urusan seperti semua perwalian yang lain.

Memandangkan tiada kajian khusus tentang isu ini, beberapa cadangan kriteria boleh dipertimbangkan dalam menentukan sesuatu organisasi sebagai Islam untuk dilantik sebagai amil institusi. Kriteria-kriteria tersebut adalah:

Kriteria Pertama: Pemilikan Organisasi atau Syarikat

Pemilikan organisasi syarikat merujuk kepada pegangan saham atau modal syarikat yang dikuasai sepenuhnya oleh orang Islam atau majoriti orang Islam. Walaupun pada dasarnya status agama adalah merujuk kepada pegangan agama individu (*syakhsiyyah haqiqiyyah*), namun sesebuah organisasi boleh juga ditentukan status Islamnya atas dasar ia adalah entiti undang-undang (*legal entity* atau *syakhsiyyah i'tibariyyah*) dengan melihat kepada tabiatnya. Kebanyakan ulama Islam kontemporari memperakukan pemberian sifat *legal entity* atas penubuhan sebuah syarikat (Aznan Hasan, 2011: 220).

Dari sudut syarak, pemilikan bermaksud "autoriti, hak atau hubungan yang diperakukan oleh syarak bagi individu tertentu ke atas harta tertentu, di mana dia menguasai dan boleh menguruskan harta tersebut berdasarkan limitasi-limitasi yang ditentukan oleh syarak" (Muhammad 'Uthman Shabir, 2010: 117; Abdul Halim el-Muhammady, 2001: 9-10; Wahbah al-Zuhayli, 1989: 56; Abdullah Jalil et. al, 2015: 67).

Oleh itu, syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Islam boleh diiktibar sebagai Islam kerana ia dikuasai oleh muslim. Ia juga berdasarkan kaedah:

التابع تابع

Maksudnya: Perkara yang mengikut (*furu'*) adalah mengikut hukum perkara yang diikuti (*asal*).

Difahami daripada kaedah ini, status syarikat (*tabi'*) adalah mengikut status pemiliknya (*matbu'*) dari sudut status agamanya. Oleh itu, tiada halangan untuk melantik syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Islam sebagai amil. Begitu juga status organisasi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dari sudut pelantikan sebagai amil institusi. Penyelidik berpendapat organisasi kerajaan layak dikategorikan sebagai Islam selagi mana kuasa eksekutif negara atau negeri kekal berada di bawah kuasa majoriti orang Islam dan adanya kuatkuasa Perlembagaan Persekutuan serta selari dengan kehendak syarak.

Adapun organisasi atau syarikat yang pemilikannya adalah bercampur antara muslim dan bukan muslim, maka penentuan status keislaman organisasi tersebut juga tidak dibincangkan oleh para sarjana, setakat kajian penyelidik yang terbatas ini. Oleh itu, ia memerlukan ijtihad yang baru oleh pihak yang berautoriti dalam mengeluarkan fatwa. Kriteria pemilikan majoriti boleh dipertimbangkan bagi kes pemilikan yang bercampur antara muslim dengan bukan muslim. Dengan kata lain, organisasi yang dimiliki atau dikuasai secara majoritinya oleh muslim boleh diiktibar status keislamannya, dan begitulah sebaliknya. Antara asas yang boleh dijadikan sandaran dalam isu ini adalah kaedah-kaedah:

العبرة للغالب الشائع للقليل النادر
للاكثر حكم الكل¹

Namun, penentuan kuantum yang boleh dianggap majoriti juga memerlukan pencerahan dari sudut syarak. Penentuan kuantum majoriti boleh diasaskan kepada majoriti mudah (*simple majority*) jika ia lebih dapat merealisasikan masalah dalam konteks semasa. Memandangkan isu ini tidak mempunyai sandaran nas yang jelas dan putus (*qat'i*), maka pertimbangan masalah boleh diambil kira. Pada peringkat awal, boleh jadi mengambil kira majoriti mudah lebih *aslah* berbanding majoriti 2/3. Setelah melalui fasa tertentu dan kajian semula, mungkin majoriti 2/3 lebih *aslah* berbanding majoriti mudah. Oleh itu, ketetapan berkaitan kuantum majoriti ini perlu diserahkan kepada *waliy al-amr* untuk memutuskannya

Walau bagaimanapun, atas dasar *ihtiyat* (berhati-hati) dan warak, boleh juga dipertimbangkan kuantum majoriti dengan penguasaan 2/3 saham atau modal syarikat. Maksudnya, jika pemilikan non muslim adalah 1/3 atau kurang, maka status keislaman organisasi atau syarikat tersebut adalah mengikut pemilikan yang menjangkau 2/3. Cadangan ini bersandarkan potongan hadis berikut:

... والثلاث كثير ...

Maksudnya: dan sepertiga itu adalah banyak... [Muttafaq 'alaihi]

¹ <https://al-maktaba.org/book/31616/54272>

Berdasarkan hadis di atas, 1/3 diiktibar sebagai had minimum bagi amaun yang banyak (الحد الأدنى للكثرة) menurut pandangan sebahagian ulama (Haitham Abdul Salam, t.t.). Oleh itu, untuk menentukan status keislaman organisasi yang pemiliknya bercampur antara muslim dengan bukan muslim, pemilikan atau penguasaan orang Islam mestilah menjangkau 2/3 ke atas modal atau saham syarikat. Namun, pihak pemerintah (*waliy al-amr*) boleh membuat pertimbangan manakah kuantum majoriti yang lebih aslah dalam perkara ini.

Bagi syarikat subsidiari yang pegangan sahamnya dimiliki oleh organisasi lain (seperti badan berkanun, koperasi, syarikat dsb.), cadangan yang sama seperti di atas boleh diaplikasikan. Secara kesimpulannya, kedudukan subsidiari adalah mengikut organisasi induknya (*parent company*) dari sudut status keislamannya untuk dipertimbangkan dalam pelantikan sebagai amil.

Kriteria Kedua: Komposisi Keahlian Lembaga Pengarah Organisasi

Kriteria ini juga boleh dipertimbangkan sebagai asas pelantikan amil zakat. Syarikat yang kesemua lembaga pengarahnya, atau lebih separuh daripada mereka adalah muslim maka syarikat tersebut boleh diiktibar sebagai Islam. Hal ini kerana kedudukan lembaga pengarah ataupun lembaga pemegang amanah adalah sebagai pihak pembuat dasar (ولاية التفويض) yang menentukan hala tuju organisasi atau syarikat. Kedudukan ini adalah signifikan untuk diiktibar kerana ia menunjukkan penguasaan muslim yang besar dan kukuh ke atas sesuatu syarikat atau organisasi. Dari sudut praktis organisasi (*'uruf*), keputusan majoriti yang akan diambil kira sebagai penentu dalam sesuatu perkara, dan *'uruf* yang tidak bercanggah dengan syarak adalah diiktibar sebagai sandaran hukum berdasarkan kaedah العادة محكمة.

Kriteria Ketiga: Kegiatan Utama Syarikat

Kegiatan utama syarikat juga boleh dijadikan kriteria sebagai asas pelantikan amil zakat. Jika aktiviti utamanya adalah sepenuhnya patuh syariah, maka tidak timbul isu dalam hal ini. Adapun jika bercampur sebahagiannya dengan kegiatan yang tidak patuh syariah, maka penetapan tanda aras oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia boleh dirujuk dalam menentukan sekuriti syarikat yang bercampur sama ada layak diiktiraf sebagai syarikat yang patuh syariah atau tidak. Berdasarkan kriteria yang disediakan, sesebuah sekuriti syarikat dianggap tidak patuh syariah sekiranya aktiviti utama syarikat tidak selari dengan syariah seperti berikut:

- i. Perkhidmatan kewangan berasaskan riba.
- ii. Perjudian atau pertaruhan.
- iii. Pengeluaran atau penjualan barangan tidak halal.
- iv. Insurans konvensional.
- v. Aktiviti hiburan yang tidak patuh Syariah.
- vi. Pengeluaran atau penjualan tembakau.
- vii. Pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh syariah.

Tanda Aras Sekuriti Patuh Syariah

Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SAC SC) mengeluarkan tanda aras tertentu bagi menentukan sama ada sekuriti syarikat patuh syariah atau sebaliknya. Berdasarkan perkara ini, sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat akan dikira dan dibandingkan dengan tanda aras aktiviti perniagaan yang relevan seperti berikut:

Tanda Aras 5 Peratus²

Tanda aras lima peratus digunakan bagi perniagaan / aktiviti berikut:

- i. Perbankan dan peminjaman konvensional;
- ii. Insurans konvensional;
- iii. Perjudian;
- iv. Arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- v. Babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- vi. Makanan dan minuman tidak halal.
- vii. Tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- viii. Pendapatan faedah daripada akaun akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara);
- ix. Dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah;
- x. Hiburan tidak patuh Syariah; dan
- xi. Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak mematuhi prinsip-prinsip syariah sebagaimana yang ditentukan oleh MPS.

² Senarai Sekuriti Patuh Syariah, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 25 Nov. 2022, hlm. 10.

Tanda Aras 20 Peratus³

Tanda aras 20 peratus diguna pakai bagi perniagaan / aktiviti berikut:

- i. Jual beli saham;
- ii. Pembrokeran saham;
- iii. Sewaan daripada aktiviti tidak patuh syariah; dan
- iv. Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak mematuhi prinsip-prinsip syariah sebagaimana yang ditentukan oleh MPS.

Bagi perniagaan yang disenaraikan di atas, sumbangan dari perniagaan yang tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sesebuah syarikat sebelum cukai mestilah kurang daripada 20 peratus.

Isu: Syarikat yang tidak memenuhi 3 kriteria di atas

Bagi syarikat atau organisasi yang pegangan sahamnya tidak dimiliki secara majoriti oleh orang Islam dan/atau ahli lembaga pengarah juga bukan majoriti Islam, adakah boleh mewakili mana-mana orang Islam dalam organisasinya untuk dilantik sebagai amil bagi mengendalikan urusan zakat (pungut dan/atau wakalah agihan) bagi pihak organisasinya?

Untuk merungkai persoalan di atas, terlebih dahulu penyelidik ingin menjelaskan bahawa syarat Islamnya seseorang untuk dilantik sebagai amil zakat bukanlah syarat yang disepakati. Ia adalah pandangan jumhur fuqaha dan sebahagian sarjana kontemporari (Muhammad Khalid Mansur, 2020: 43). Bahkan, terdapat fuqaha yang tidak mensyaratkan keislaman seseorang secara mutlak untuk dilantik sebagai amil. Ada juga yang berpandangan, jika urusan zakat melibatkan pelaksanaannya sahaja (ولاية التنفيذ), bukannya penentu dasar (ولاية التفويض) maka diharuskan melantik bukan Islam sebagai amil. Sebab khilaf dalam masalah ini adalah apa yang diterima oleh amil, adakah dikategorikan sebagai upah ataupun zakat? Jika apa yang diterima olehnya adalah atas dasar upah, maka syarat keislamannya tidak terpakai. Adapun jika apa yang diterima oleh adalah sebahagian daripada zakat, maka syarat keislamannya adalah diambil kira (Al-Qaradawi, 2006: 558-560; Muhammad Khalid Mansur, 2020: 39).

³ Senarai Sekuriti Patuh Syariah, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 25 Nov. 2022, hlm. 11.

Berikut diutarakan sebahagian dalil yg tidak mensyaratkan Islamnya seorang amil (Muhammad Khalid Mansur, 2020: 43; Markaz al-Maqasid, 2021):

Dalil pertama: Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 75 :

وَمِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِن تَأْمَنهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ

Maksudnya: “Dan di antara ahli kitab, ada yang kalau engkau amanahkan kepadanya (menyimpan sejumlah) harta yang besar, dia akan mengembalikannya (dengan sempurna).

Wajhu dalalah: Bahawa nas al-Quran menunjukkan bahawa ahli kitab boleh dipercayai dan diamanahkan untuk melaksanakan hutang, termasuk semua transaksi kewangan, begitu juga dengan zakat yang merupakan transaksi kewangan.

Dalil kedua: Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah, ayat 60:

وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا

Maksudnya: “... dan amil-amil yang mengurusnya ...”

Wajhu dalalah: Lafaz umum yang merangkumi setiap amil dalam apa jua kapasiti; kerana apa yang dia terima adalah upah untuk kerjanya; dia tidak dihalang untuk menerima bahagian zakat, seperti upah-upah yang lain.

Dalil ketiga: Bahawa orang bukan Islam kadang-kadang ada yang dikenali bersifat amanah, dan tahu pelaksanaan transaksi kewangan, maka dibolehkan untuk mewakilkannya memungut dan mengagihkan zakat.

Dalil keempat: Dan kerana lantikan sebagai amil adalah upah untuk pekerjaan, maka dibolehkan bagi orang kafir untuk melaksanakannya, seperti pungutan cukai.

Dalil-dalil di atas memang boleh dibincangkan dari sudut validiti dan tafsirannya. Namun, apa yang penyelidik ingin kemukakan di sini ialah, masalah ini adalah masalah khilafiyah yang menuntut *tarjih* dalam penentuan hukum. Dalam konteks isu ini, MAIPk selaku *waliy al-amr* boleh mengambil pendirian atas dasar siasah syar’iyah dalam menentukan kelayakan amil institusi atau organisasi. Apa yang penting ia dapat merealisasikan *maslahah mu’tabarah*, selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam dan selaras dengan maqasid syariah.

Memandangkan urusan kutipan dan agihan zakat adalah termasuk dalam kategori *hifz al-mal* dari sudut maqasid syariah, penilaian terhadap unsur masalah dan mafsadah dalam sesuatu perkara perlu dilakukan secara teliti dan komprehensif dalam memastikan matlamat penjagaan harta umat Islam dapat direalisasikan dengan sebaik mungkin (Mohamad Akram Laldin & Hafas Furqani, 2013 dalam Mohd Sabree Nasri dan Khairul Azhar Meerangani, 2019: 95).

Penetapan sesuatu dasar oleh pemerintah negara atau negeri haruslah mengambil kira kemaslahatan rakyat secara menyeluruh bagi memastikan keadilan dapat diutamakan. Perkara ini seperti yang dinyatakan dalam kaedah berikut:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksud: Keputusan dan tindakan pemerintah terhadap rakyatnya terikat dengan masalah.

Konsep penjagaan harta ini tidak terhad kepada elemen pemeliharaan dan perlindungan sesuatu harta semata-mata bahkan turut merangkumi galakan untuk menjana, mengumpul, memelihara serta mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama (Ahcene Lahsasna, 2013 dalam Mohd Sabree Nasri dan Khairul Azhar Meerangani, 2019: 96).

Saranan

Oleh itu, penyelidik berpandangan organisasi yang pegangan sahamnya tidak dimiliki secara majoriti oleh orang Islam dan/atau ahli lembaga pengarah juga bukan majoriti Islam, **boleh diwakilkan mana-mana orang Islam dalam organisasinya untuk dilantik sebagai amil bagi mengendalikan urusan zakat** (pungut dan/atau wakalah agihan) bagi pihak organisasinya. Apa yang penting, adanya pelantikan rasmi yang memberi mandat kepada pihak atau individu yang dilantik untuk melaksanakan amanah yang telah ditentukan. MAIPk tetap memegang autoriti asal (ولاية التفويض) manakala wakil yang dilantik hanya sebagai pelaksana sahaja bagi pihak organisasinya. Kedudukannya sebagai wakil adalah lebih fleksibel berbanding lantikan sebagai amil dalam masalah ini.

Jika MAIPk mengambil pendirian hanya mempertimbangkan lantikan sebagai amil institusi bagi mana-mana syarikat yang memenuhi salah satu daripada tiga kriteria yang diutarakan sebelum ini sahaja, alternatif lain yang boleh dipertimbangkan adalah:

- i. Pembayaran zakat secara atas talian di website MAIPk. Kaedah pembayaran melalui website akan dilakukan secara terus iaitu bayaran dari bank ke bank dengan menggunakan laman FPX sebagai medium pembayaran.
- ii. Pembayaran zakat secara atas talian melalui platform yang telah disahkan seperti aplikasi Shopee, Boost, SnapNPay, GOPayz dan banyak lagi. Pembayaran menggunakan aplikasi juga dilakukan secara terus iaitu dari bank ke bank.

Selain kaedah potongan gaji, pembayaran zakat secara atas talian adalah sangat relevan pada masa kini. Kakitangan atau staf syarikat yang berkaitan tetap boleh melaksanakan kewajipan membayar zakat, sekalipun syarikat atau organisasi tempat mereka bekerja tidak dilantik sebagai amil institusi, ataupun tiada wakil dalam kalangan staf syarikat tersebut yang dilantik untuk urusan kutipan zakat.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ringkas seperti di atas, berikut diutarakan beberapa kesimpulan:

1. Jumhur fuqaha dan sebahagian ulama kontemporari berpandangan amil yang dilantik mestilah beragama Islam. Manakala syarat 'keislaman' bagi amil institusi adalah diqiyaskan dengan syarat beragama Islam bagi amil individu. Dengan kata lain, tidak boleh melantik amil yang bukan Islam sama ada individu atau institusi.
2. Kuasa melantik amil adalah hak *waliy al-amr* iaitu pemerintah Islam tertinggi bagi sesebuah negara atau negeri. Dalam konteks di negeri Perak Darul Ridzuan, MAIPk adalah pihak yang berkuasa memungut dan mengagih zakat dan fitrah serta boleh melantik pihak-pihak lain sebagai amil individu atau amil institusi berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.
3. Organisasi atau syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Islam atau pemilikan lebih daripada separuh (*simple majority*) bagi modal syarikat yang dikuasai oleh orang Islam adalah diiktibar sebagai Islam dan layak untuk dilantik sebagai amil institusi (kriteria pertama).
4. Organisasi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) layak dikategorikan sebagai Islam selagi mana kuasa eksekutif negara atau negeri kekal berada di bawah kuasa majoriti orang Islam (kriteria pertama).
5. Bagi syarikat subsidiari yang pegangan sahamnya dimiliki oleh organisasi lain, status keislamannya untuk dipertimbangkan dalam pelantikan sebagai amil adalah mengikut organisasi induknya (kriteria pertama).
6. Organisasi atau syarikat yang kesemua ahli lembaga pengarahnya, atau lebih daripada separuh (*simple majority*) dalam kalangan mereka adalah muslim, maka syarikat tersebut boleh diiktibar sebagai Islam dan layak untuk dilantik sebagai amil institusi (kriteria kedua).
7. Organisasi atau syarikat yang kegiatan utamanya adalah patuh syariah adalah layak untuk dilantik sebagai amil institusi (kriteria ketiga).
8. Organisasi atau syarikat yang pegangan sahamnya tidak dimiliki secara majoriti oleh orang Islam dan/atau ahli lembaga pengarah juga bukan majoriti Islam, boleh diwakilkan kepada mana-mana orang Islam dalam organisasi tersebut untuk mengendalikan urusan kutipan zakat.
9. Pembayaran zakat secara atas talian boleh digunakan jika MAIPk mengambil pendirian hanya mempertimbangkan lantikan sebagai amil institusi yang berstatus Islam.
10. Kriteria-kriteria yang dicadangkan boleh dinilai semula dari masa ke masa bagi memastikan apa-apa keputusan yang diambil berkaitan pelantikan amil institusi adalah untuk merealisasikan *masalah mu'tabarah* dari sudut maqasid syariah

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady (2015). Undang-Undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-Produk Perbankan Islam. Cetakan 9. Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Jalil, Asharaf Mohd Ramli & Syahidawati Shahwan (2015). The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat. Nilai: Wisdom Publication.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2006). *Fiqh al-Zakah*. Cetakan ke-25, versi pdf. Diakses daripada: <https://www.al-qaradawi.net/sites/default/files/pdf/01995-fekhelzakah.pdf>
- Aznan Hasan (2011). Isu-isu Syariah Dalam Kewajipan Menunaikan Zakat Ke Atas Entiti Korporat.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Diakses daripada: http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/cc732adab04312b848257044000d8ea1?OpenDocument
- Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah 1975
- Markaz al-Maqasid*. (2021, Ogos 16). Retrieved from: https://almaqased.net/projects/research/أحكام-العاملين-على-الزكاة/?amp=1#_ftn7
- Mohd Sabree Nasri dan Khairul Azhar Meerangani (2019). Justifikasi Penetapan Tanda Aras Bagi Menentukan Sekuriti Patuh Syariah Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam “Melestari Pengurusan Institusi Islam”, hlm: 87-98.
- Muhammad Ikhlas Rosele & Luqman Hj. Abdullah (2021). Analisis Terhadap Keputusan Hukum Dan Fatwa Zakat Syarikat Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. Volume 23, Januari.
- Muhammad Khalid Mansur (2020). *Al-Mustajaddat al-Fiqhiyyah fi Masrif al-‘Amilin ‘ala al-Zakah Dirasah Fiqhiyyah Iqtisadiyyah Muhasabiyyah Mu‘asirah*. Kertas yang dibentangkan dalam Persidangan Isu-isu Zakat Kontemporari ke-27, di Manama, Bahrain, pada 8-10 Januari 2020, bersamaan 13—15 Jamadil Awal 1441H.
- Munawir bin Mohamed Nor (2023). Temu bual melalui telefon bersama En. Munawir bin Mohamed Noh, Pegawai Tadbir, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, MAIPk, pada 16 Februari 2023.
- Muhammad ‘Uthman Syabir (2010). *Al-Madkhal ila Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah*. Cetakan 2. ‘Amman: Dar al-Nafa’is.
- Senarai Sekuriti Patuh Syariah, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 25 November 2022. Diakses daripada: <https://www.sc.com.my/bm/api/documentms/download.ashx?id=bc63cac2-1760-427a-bc39-a549155e343f>
- <https://al-maktaba.org/book/31616/54272>